

PENGUASAAN AMALAN MURAJAAH AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, USIM

MASTERY OF THE PRACTICE OF MURAJAAH AL-QUR'AN AMONG THE STUDENTS OF THE FACULTY OF QURANIC AND SUNNAH STUDIES, USIM

Nurul Hafni Irdina Binti Azri¹
Nurul Farhana Binti Mohd Azmi²
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan³

¹Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: irdina.azri@raudah.usim.edu.my)

²Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: ismifarhana@raudah.usim.edu.my)

³Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Azri, N. H., Mohd Azmi, N. F., & Syed Hassan, S. N. (2023). Penguasaan Amalan Murajaah Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM . *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 132 - 145.

Abstrak: Muraja'ah merupakan suatu kegiatan mengulang, baik itu pelajaran mahupun hafalan Al-Quran. Menghafaz al- Quran bukan suatu kerja yang mudah, bahkan memerlukan kepada pengorbanan yang besar. Proses ini memerlukan komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan serta tanggungjawab yang berat terutama melibatkan proses penjagaan al-Quran. Salah satu masalah seorang penghafal al-Quran atau Hafidz Quran adalah mempertahankan hafalannya. Justeru, timbul persoalan sejauh manakah pelajar Fakulti Quran dan Sunnah ini menjaga dan mengekalkan hafazan al-Quran. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana penguasaan amalan murajaah dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Jenis kaedah yang digunakan dalam dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif iaitu melalui data yang akan dikumpulkan melalui borang soal selidik seterusnya akan dianalisis dan dirumuskan dalam kertas kerja ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan amalan murajaah dengan lebih kerap menunjukkan daya hafalan Quran yang lebih berkesan berbanding pelajar yang tidak menjaga hafalan murajaah yang menunjukkan pengurangan dalam kualiti hafalan Quran. Kesimpulannya, kajian ini penting bagi mewujudkan kesedaran tentang kepentingan penghayatan muraja'ah menghafal Quran dalam kalangan pelajar agar setiap ayat yang telah dihafaz sentiasa terpelihara dalam ingatan. Kesannya, pencapaian hafalan antara pelajar Quran dan Sunnah dapat menunjukkan perbezaan mengikut kecenderungan, kemampuan dan tahap pendengaran mereka.

Keywords: Penguasaan, amalan murajaah, Quran, Fakulti Quran dan Sunnah.

Abstract: *Muraja'ah is an activity of repeating, whether it is learning or memorizing the Quran. Memorizing the Quran is not an easy task, it even requires great sacrifice. This process requires high commitment, continuous effort and heavy responsibility, especially involving the process of caring for the Qur'an. One of the problems of a Quran memorizer or Hafidz Quran is to defend his memorization. Thus, the question arises to what extent the students of the Faculty of Quran and Sunnah maintain and maintain the memorization of the Quran. Accordingly, this study aims to identify the extent of mastery of the practice of murajaah among students of the Faculty of Quranic and Sunnah Studies, USIM. The type of method used in this study is a quantitative method, which is through data that will be collected through questionnaires and will then be analyzed and formulated in this paper. The results of this study show that mastering the practice of murajaah more often shows a more effective memorization of the Qur'an compared to students who do not maintain murajaah memorization which shows a reduction in the quality of memorizing the Qur'an. In conclusion, this study is important to create awareness about the importance of appreciating the muraja'ah of memorizing the Quran among students so that every verse that has been memorized is always preserved in memory. As a result, memorization achievement between Quran and Sunnah students can show differences according to their inclination, ability and listening level.*

Keywords: *Mastery, murajaah practice, Quran, Faculty of Quranic and Sunnah Studies*

Pengenalan

Murajaah berasal dari kata raja'a-yarji'u (رجوع-برجع) yang membawa maksud kembali. Adapun murajaah dari segi istilah adalah mengulang kembali atau mengingat semula sesuatu yang telah dihafal sebelumnya. Dalam hal ini, murajaah juga dapat disebut dengan metode pengulangan secara berkala. Sejarah menghafal dan murajaah Quran bermula sejak turunnya ayat pertama dari al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW. Proses turunnya al-Quran secara berperingkat-peringkat membantu dan memudahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya. Metode ini dikekalkan sehingga menjadi salah satu manhaj di dalam menghafaz al-Quran. Pada setiap ayat dan kalimah mempunyai ganjaran bagi sesiapa yang membacanya. Sebagaimana riwayat daripada Abdullah bin Mas'ud R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Muhammad bin Basyar menceritakan kepada kami, Abu Bakar Al-Hanafi memberitahukan kepada kami, Adhahhak bin Utsman menceritakan kepada kami dari Ayyub bin Musa, ia berkata: Saya mendengar Muhammad bin Ka'ab Al-Qurazhi berkata: Saya mendengar Abdullah bin Mas'ud berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa membaca satu huruf dari kitab Allah (Al-Quran), maka baginya satu kebaikan dan satu kebaikan dilipat gandakan menjadi sepuluh kebaikan, saya tidak menghitung Alif Laam Miim satu huruf, tetapi Alif satu huruf Laam satu huruf dan Miim satu huruf.”¹

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti seberapa kerap pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM mengulang hafalan mereka dan kajian ini juga akan menilai mengenal pasti sejauh mana penguasaan amalan murajaah dan kesan yang diperoleh kepada daya ingatan pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM.

¹ Riwayat at-Tirmizi no: 2910

Permasalahan Kajian

Amalan murajaah hafalan yang dituntut dalam kalangan pelajar Quran dan Sunnah masih belum dikuasai oleh semua pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Metode murajaah merupakan suatu cara yang dipergunakan untuk mencapai tujuan yang telah ditetapkan dengan cara mengulang kembali hafalan yang sudah pernah dihafalkan untuk menjaga dari lupa dan salah. Kegiatan mengulang hafalan sangat penting dalam menjaga hafalan agar tidak mudah hilang dan terlepas karena lupa, sifat lupa adalah sesuatu yang wajar pada diri manusia. Maka disinilah perlunya murajaah dalam menjaga hafalan al-qur'an. setiap orang yang menghafal Al-Qur'an sebenarnya tahu betul bahwa jika dia tidak me-murajaah secara terus-menerus maka hafalannya akan hilang. Perlu disadari bahwa Al-Qur'an dengan me-murajaahnya adalah sebagai penjaga keamanan dalam perjalanan yang sangat sangat menolong seseorang dalam melakukan muraja'ah secara efisien dengan izin Allah SWT (Ilyas, 2020).

Terdapat beberapa kajian seperti dapatan kajian oleh Azmil Hashim & Misnan Jemali (2013) yang mendapati bahawa pelajar menentukan kadar hafazan berdasarkan kepada item menentukan kadar hafazan memperoleh nilai min yang tinggi iaitu item pelajar menentukan kadar hafazan berdasarkan kemampuan ($\text{min}=4.29$), menentukan kadar hafazan ($\text{min}=4.11$) dan menghafaz berdasarkan kadar hafazan ($\text{min}=4.05$). Manakala, menurut Mohamad Marzuqi (2008), aspek pengetahuan dan amalan pedagogi dikalangan pensyarah tahlif di tahap yang sederhana telah membawa kepada kepelbagaiant kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tahlif. Ini menjadi satu keperluan untuk melihat teknik hafazan yang diamalkan oleh pelajar Darul Quran.

Oleh itu, penghafal al-Quran perlu faham sifat dan keadaan hafalan yang dimiliki bukan selama-lamanya terlekat dalam ingatan. Hafalan memerlukan kepada proses yang khusus bagi meningkatkan daya ingatan kepada al-Quran. Berdasarkan Hadis Rasullullah SAW:

تَعَااهُدُوا هَذَا الْقُرْآنَ، فَوَاللَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَهُ أَشَدُ تَقْلِيْنَا مِنَ الْإِبْلِ فِي عَثْلَاهَا²

Maksudnya: "Selalulah kamu membaca dan mengulangi al-Quran demi jiwaku dalam genggamannya. Sesungguhnya al-Quran sangat cepat hilang dari ingatan berbanding terlepasnya seekor unta liar dari ikatannya." Berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa kepentingan penjagaan al-Quran sangat dituntut kepada semua penghafal al-Quran dan proses penjagaan al-Quran perlu dilakukan secara berterusan agar kualiti hafalan al-Quran akan terus kekal dalam ingatan kerana al-Quran tersangat mudah untuk dilupakan (Khairul Anuar, 2016)

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti seberapa kerap pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM mengulang hafalan mereka.
2. Mengenal pasti sejauh mana penguasaan amalan murajaah dalam kalangan pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM.
3. Mengenal pasti kesan yang diperoleh kepada daya ingatan pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM.

² Hadith sahih, HadeethEnc.com, 2022.

Persoalan Kajian

1. Seberapa jauhkah pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM menjaga hafalan mereka?
2. Sejauh manakah kekerapan murajaah hafalan al-Quran yang dilakukan oleh pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM?
3. Sejauh manakah amalan murajaah ini memberi kesan kepada daya hafalan pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM?

Kajian Literatur

Tinjauan kajian lepas adalah kajian yang diteliti dan dirujuk berdasarkan beberapa kajian yang dilakukan oleh para penyelidik lain tetapi mempunyai pola tajuk yang hampir sama dan bersesuaian dengan tajuk kajian pengkaji. Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan tajuk ini yang telah ditemui oleh pengkaji.

Pertama, kaedah hafazan al-Quran dan keberkesanannya dalam kalangan pelajar perempuan. Kajian ini telah dilakukan oleh Apipah binti Ramli. Menurut Apipah Ramli (2018), hafazan adalah satu proses yang diaplikasi untuk menyimpan sesuatu maklumat atau pengetahuan. Menghafaz al-Quran bukan hanya bermaksud sekadar mengingati ayat-ayatnya sahaja bahkan mempunyai maksud yang lebih mendalam. Salah satu bentuk pemeliharaan al-Quran sebagaimana yang diamalkan oleh para sahabat Rasulullah SAW bagi memastikan ia terus mutawatir dari satu generasi ke generasi yang lain ialah dengan cara menghafaz al-Quran. Proses menghafaz al-Quran ini memerlukan komitmen yang cukup tinggi.

Manakala menurut Fatimah Zaharah Ismail (2020) dalam kajian beliau yang berjudul Strategi Murajaah al-Quran bagi Huffaz di Peringkat Tertiari mengatakan bahawa menghafaz telah menjadi salah satu kaedah yang penting untuk mendalami ilmu al-Quran selain bertujuan bagi mengelakkan pemalsuan serta penyelewengan terhadap ayat al-Quran. Selain itu, amalan menghafaz al-Quran mampu memacu pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar. Menurut Nazir Kadir (2021), apabila sudah sempurna dalam menghafaz kita tidak akan berhenti di situ saja, melainkan kita harus tetap memelihara hafazan yang telah susah payah kita hafaz sebelumnya, dalam proses pengulangan ini biasanya disebut dengan metode muraja'ah.

Menurut Hayati Husin (2021) dalam kajiannya yang berjudul isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar Usim, secara umumnya, proses menghafaz dan mengingat ayat al-Quran adalah suatu proses yang menuntut hafiz untuk komited sepenuh fokus dalam menghafaz. Namun hakikatnya, tanggungjawab hafiz al-Quran untuk memelihara hafazan yang ada dalam memori ingatan daripada terlupa adalah jauh lebih sukar. Selari dengan kenyataan tersebut, terdapat hadith yang menggalakkan hafiz al-Quran agar kerap mengulang hafazan dan komited agar dapat memelihara ingatan ayat al-Quran. Di samping galakan kepada hafiz al-Quran, terdapat juga hadith yang memberi amaran agar tidak melupakan ayat yang telah dihafaz. Meskipun hafiz al-Quran telah melepas cabaran menghafaz, mengekalkan hafazan, dan pelbagai fasa ujian yang ditetapkan oleh pihak institusi tahfiz, namun tahap ingatan terhadap al-Quran masih lemah. Jadi, dalam kajian ini banyak menekankan tentang amalan murajaah dan kesannya kepada pelajar universiti.

Metodologi Kajian

Aspek-aspek utama yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah melibatkan reka bentuk kajian, sampel kajian, instrument kajian dan juga kajian kebolehpercayaan instrumen.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini melibatkan kaedah berbentuk deskriptif untuk mendapatkan persepsi yang menjadi penentu kepada tahap pengetahuan, pendapat dalam amalan murajaah terhadap pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Kajian deskriptif adalah kajian tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik yang boleh memperolehi data untuk mendapat peratusan, min, dan kekerapan (Abdullah Sulong, 2010). Reka bentuk kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian kerana dapat mengurangkan kos perbelanjaan serta menjimatkan tenaga dan masa dalam mengumpulkan maklumat data. Kesemua data yang diperoleh akan dianalisis secara kuantitatif dan soal selidik ini mengandungi arahan soalan-soalan jenis tertutup serta soalan yang sama untuk dijawab bagi semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

Sampel Kajian

Sampel adalah satu subset kumpulan yang besar atau satu bahagian yang disebut populasi manakala populasi pula bermaksud keseluruhan yang disampelkan menurut Saadah Ibrahim (2012) dalam Fink (1995). Populasi responden kajian terdiri daripada pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menerusi kajian tinjauan, pautan *Google Form* telah dikongsi dalam aplikasi *WhatsApp* kepada pelajar FPQS.

Penentuan saiz sampel telah dirujuk dalam jadual Krejcie & Morgan (1970) untuk mengetahui berapa bilangan responden untuk menjawab soal selidik kajian. Akan tetapi, dalam kajian ini adalah satu bentuk latihan dan minimun bagi bilangan sampel adalah sebanyak 30 orang responden yang diperlukan. Oleh itu, seramai 68 orang pelajar yang terlibat iaitu terdiri daripada 21 orang yang mewakili mahasiswa dan 47 orang yang mewakili mahasiswi. Kaedah persampelan rawak mudah adalah persampelan kebarangkalian (rawak) yang digunakan dalam kajian kerana mudah diperolehi dan data yang terkumpul akan dikod, direkod dan dianalisis dalam program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 untuk mendapatkan skor min bagi aspek yang dinilai (Fathihah, 2021).

Instrumen Kajian

Borang soal selidik kajian ini telah diadaptasi daripada soal selidik kajian "Amalan Teknik Hafazn Al-Quran di Darul Quran, Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2017." yang dijalankan oleh Muhammad Toriq bin Yaacob dan Abdul Razak bin Mohd Zin, dan juga daripada soal selidik kajian "Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia" yang dijalankan oleh Azmil Hashim dari UPSI dan Abd Halim Tamuri dari UKM. Instrumen kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik. Soal selidik ini mengandungi tiga seksyen iaitu seksyen 1, 2 dan 3.

Seksyen 1 adalah berkaitan dengan maklumat latar belakang responden mengikut jantina, umur, tahun pengajian dan program. Manakala seksyen 2 mengandungi dua soalan iaitu amalan murajaah harian. Akhir sekali, seksyen 3 mengandungi lapan soalan iaitu persepsi diri terhadap penguasaan amalan murajaah.

Kaedah skala lima likert telah digunakan sebagai pilihan jawapan daripada responden kajian bagi mengenal pasti penguasaan amalan murajaah al-Quran mereka. Skala lima likert ini memudahkan responden menjawab dengan lebih cepat dan menjimatkan ruang jawapan. Jadual 1 berikut, menunjukkan skor penilaian skala likert yang digunakan untuk responden bagi menandakan jawapan mereka di seksyen 2 dan 3:

Jadual 1: Skor Skala Likert

| Pernyataan | Skor |
|---------------------|------|
| Sangat Tidak Setuju | 1 |
| Tidak Setuju | 2 |
| Tidak Pasti | 3 |
| Setuju | 4 |
| Sangat Setuju | 5 |

Hasil Dapatan Kajian

Profil Responden

Kajian tinjauan ini melibatkan 70 orang responden yang terdiri daripada 23 orang lelaki (33%) dan 47 orang perempuan (67%). (Rujuk Jadual 2)

Jadual 2: Jantina

| Jantina | Bilangan | Peratus |
|-----------|----------|---------|
| Lelaki | 23 | 33 |
| Perempuan | 47 | 67 |
| Jumlah | 70 | 100 |

Dapatan menunjukkan bahawa responden yang berumur 18 hingga 20 tahun dan 21 hingga 23 tahun merupakan penyumbang terbesar dalam kajian ini. Kedua-duanya sebanyak 30 orang (43%) dan responden berumur 24 hingga 26 tahun merupakan kedua terbesar iaitu sebanyak 8 orang (11%), manakala bilangan responden terkecil adalah berumur 27 tahun ke atas sebanyak 2 orang (2%). (Rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Profil Responden mengikut Kategori Umur

| Umur | Bilangan | Peratus |
|------------------|----------|---------|
| 18 – 20 tahun | 30 | 43 |
| 21 – 23 tahun | 30 | 43 |
| 24 – 26 tahun | 8 | 11 |
| 27 tahun ke atas | 2 | 3 |

Dalam hasil kajian di Jadual 4, terdapat seramai (49%) responden dari Tahun 1 dan terdapat (10%) sahaja responden bagi Tahun 2 yang menjawab soal selidik. Manakala responden dari Tahun 4 adalah seramai (33%) responden dan Tahun 3 seramai (9%).

Jadual 4: Tahun Pengajian

| Tahun | Bilangan | Peratus |
|---------|----------|---------|
| Tahun 1 | 34 | 49 |
| Tahun 2 | 7 | 10 |
| Tahun 3 | 6 | 9 |
| Tahun 4 | 23 | 33 |


Sebanyak (30%) responden yang mengambil pengajian di university daripada Program Quran dan Sunnah dengan Kepujian. Bagi Program Sunnah Pengurusan Maklumat dan Quran Multimedia, kedua-duanya mengumpul sebanyak (27%) responden dan selebihnya (16%) responden daripada Program Qiraat. Kesemuanya dinyatakan dibawah Jadual 5.

Jadual 5: Program

| Program | Bilangan | Peratus |
|----------------------------------|-----------------|----------------|
| Quran dan Sunnah dengan Kepujian | 21 | 30 |
| Sunnah Pengurusan Maklumat | 19 | 27 |
| Quran Multimedia | 19 | 27 |
| Qiraat | 11 | 16 |

Amalan Murajaah Harian


Rajah graf 6 menunjukkan masa yang sesuai untuk mengulang hafalan. Peratusan pelajar memilih waktu pagi sebagai pilihan mereka tinggi berbanding waktu lain iaitu sebanyak 46 orang (66%) responden. Seramai 19 orang iaitu (27%) memilih waktu malam sebagai waktu terbaik untuk menghafal quran dan segelintir pelajar memilih waktu petang sebagai pilihan mereka iaitu sebanyak 5 orang (7%) responden. Rumusannya, waktu pagi merupakan waktu terbaik untuk menghafal quran kerana pada waktu tersebut fikiran sedang berada pada tahap yang sangat fokus dan badan berada dalam keadaan yang segar disebabkan pohon-pohon mengeluarkan oksigen yang membuatkan cuaca berada dalam keadaan dingin sekaligus pernafasan akan menjadi lebih segar daripada biasa (M. Ilyas, 2020)



Rajah 6: Masa yang Sesuai untuk Mengulang Hafalan

Hasil kajian dalam rajah graf 7 menunjukkan peruntukan jumlah masa yang diperlukan untuk menghafal. Terdapat seramai 40 orang (57%) responden memilih untuk menghafal diantara 1 sehingga 2 jam sehari dan seramai 4 orang (6%) responden memilih untuk menghafal antara 5 jam keatas dalam masa sehari. Seramai 15 orang (22%) responden memilih untuk menghafal 3 hingga 4 jam sehari manakala selebihnya (15%) memilih untuk menghafal kurang satu jam dalam masa sehari. Pada dasarnya, otak hanya mampu fokus pada satu perkara sahaja. Sebagai contoh, ketika kita sedang menghafal Quran, otak kita berfokus sepenuhnya untuk menghafal dan ketika berpaling dari hafalan seperti membuat kerja lain, otak manusia menganggap bahawa fokus utamanya pada saat itu berubah kepada bukan menghafal. Rumusannya, kebanyakan pelajar fakulti memilih untuk menghafal diantara 1 hingga 2 jam sehari sahaja kerana kebanyakan diantara pelajar menghabiskan berjam-jam lamanya untuk menghafal,


tetapi ternyata setelah beberapa jam atau sehari, sebahagian besar apa yang telah dihafazkan sudah lupa.



Rajah 7: Peruntukan Masa yang Diperlukan

Persepsi Diri Terhadap Penguasaan Amalan Murajaah


Carta 8 menunjukkan persepsi diri terhadap penguasaan amalan murajaah tentang peratusan murajaah hafalan sesuai dilakukan pada masa terluang. Sebanyak (50%) responden iaitu 35 orang memilih sangat setuju jika hafalan dilakukan pada masa terluang dan 26 orang (37%) responden memilih setuju. Bagi pilihan tidak pasti dan tidak setuju, keduanya berkongsi peratus yang sama iaitu (6%) responden iaitu seramai 4 orang dan hanya seorang sahaja (1%) memilih sangat tidak setuju jika hafalan dilakukan pada masa yang terluang akan tetapi jika hal seperti ini berlaku yakni menghafal jika ada waktu terluang, hafalan tersebut akan kurang terjaga.



Rajah 8: Murajaah pada Waktu Terluang


Carta 9 menunjukkan pemilihan waktu yang sesuai dalam murajaah ayat Quran. Kebanyakan pelajar memilih sangat setuju untuk memilih waktu yang sesuai Ketika mengulang iaitu seramai 50 orang (71%) responden. Seramai 16 orang (23%) responden memilih bersetuju manakala seramai 4 orang (6%) responden sahaja memilih tidak pasti jika pemilihan waktu merupakan aspek terpenting dalam murajaah. Hal ini disebabkan kemungkinan bagi kumpulan ini mereka tidak memperincikan waktu murajaah mereka dan bebas bermurajaah seperti berjalan, memandu dan membaca dalam solat atau mereka menetapkan untuk murajaah pada bila-bila

masa akan tetapi cukup untuk satu jam dalam sehari. Bagi pilihan tidak setuju dan sangat tidak setuju, tiada rekod yang dicatatkan daripada soal selidik ini.



Rajah 9: Pemilihan Waktu yang Sesuai untuk Murajaah


Dalam hasil kajian di carta 10, seramai 43 orang (61%) responden memilih sangat setuju bahawa membuat jadual dapat membantu dalam mengulang hafalan. Seramai 22 orang (31%) responden memilih setuju manakala terdapat bilangan kecil iaitu seramai 5 orang (7%) responden memilih tidak pasti sebagai jawapan. Bagi pilihan jawapan tidak setuju dan sangat tidak setuju tiada peratusan yang direkodkan. Secara rumusannya, membuat jadual untuk mengulang hafalan sangat digalakkan kerana memelihara hafalan lebih sukar berbanding menghafal Quran.



Rajah 10: Jadual Membantu dalam Proses Murajaah


Pada carta 11 menunjukkan amalan murajaah yang sangat kerap dapat membantu dalam mengingati daya hafalan. Seramai 56 orang (80%) responden memilih sangat setuju manakala 12 orang (17%) memilih setuju dan 2 orang sahaja memilih (3%) responden memilih tidak pasti. Rumusannya, dapatan ini bersesuaian dengan hadis riwayat daripada Abdullah bin Mas'ud R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Mewartakan kepada kami Ahmad bin Al-Azhar; mewartakan kepada kami 'Abdurrazaq; memberitakan kepada kami Ma'mar, dari Ayyub, dari Nafi', dari Ibnu 'Umar, dia berkata: Rasulullah saw. bersabda: "Perumpamaan Al-Qur-an itu seperti unta yang ditambat. Jika pemiliknya itu sentiasa menjaga unta tersebut

dengan talinya, maka dia akan tetap memiliki. Akan tetapi jika dia melepaskan tali penambatnya, maka unta tersebut akan pergi.³



Rajah 11: Murajaah yang Kerap dapat Mengkalkan Hafalan


Carta 12 menunjukkan bahawa mengulang dengan cara yang sama dan konsisten dapat membantu dalam mengekalkan hafalan. Seramai 45 orang (64%) responden memilih sangat setuju manakala 17 orang (24%) responden memilih setuju. Bagi pilihan tidak pasti, seramai 7 orang (10%) responden dan seorang sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut mungkin disebabkan jika murajaah dengan cara yang sama maka akan timbul perasaan bosan untuk mengulang hafalan tersebut kerana tidak mempelbagaikan cara hafalan.



Rajah 12: Mengulang Cara yang Sama dan Konsisten Dapat Mengkalkan Hafalan


Hasil kajian bagi Jadual 13 menunjukkan bahawa usaha untuk memahami makna bagi setiap ayat Quran dapat memudahkan proses murajaah. Kebanyakan pelajar memilih sangat setuju iaitu seramai 50 orang (71%) responden. Dapatkan ini bersesuaian dengan kenyatan sesungguhnya sesiapa membaca, menghafal serta beramal dengan Quran maka ayat-ayat Quran tersebut kekal dalam ingatan. (M.Mustaffa, 2010)

³ Riwayat Sunan Ibni Majah no: 3783




Rajah 13: Memahami Makna Ayat Quran

Carta 14 menunjukkan bahawa tempat yang sesuai merupakan salah satu faktor dapat membantu dalam pengulangan hafalan. Seramai 43 orang (61%) responden memilih sangat setuju manakala seramai 7 orang memilih (10%) responden memilih tidak pasti. Hal ini kerana kemungkinan bilangan pelajar yang segelintir ini mampu menghafal jika tempat dan suasana tersebut berada dalam keadaan yang kurang tenang.



Rajah 14: Tempat yang Bersesuaian

Hasil kajian carta 15 menunjukkan pernyataan bahawa menghafal Quran mengikut mood. Bagi pernyataan ini, seramai 19 orang (27%) memilih sangat setuju dan setuju manakala seramai 16 orang (23%) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seramai 13 orang (19%) responde tidak bersetuju dan 3 orang (4%) responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan itu. Dapatkan ini bersesuaian dengan pernyataan jika tidak memurajaahkan hafalannya secara terus menerus, maka hafalan tersebut akan hilang (M.Mustafa, 2010). Jadi, apabila menghafal mengikut mood, kumpulan segelintir pelajar yang sangat tidak bersetuju ini sangat khawatir jika hafalan tersebut semakin hilang.



Rajah 15: Murajaah Mengikut Mood

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, murajaah ialah ulangkaji pembelajaran dan hafalan yang lepas untuk tujuan semakan dan pengukuhan. Amalan murajaah ini sangat penting bagi mengekalkan ayat-ayat Quran yang telah dihafal. Tanpa muraja'ah ia akan mendapat dirinya kehilangan banyak hafalan. Para sahabat pada zaman Rasulullah SAW memelihara al-Quran dengan pelbagai cara dan kaedah, di antaranya ialah dengan cara menghafaznya. Ianya berterusan hingga ke hari ini di mana umat Islam berusaha memelihara al-Quran secara hafazan di dada ataupun dalam bentuk tulisan sebagai Langkah pertama untuk memahami dan mengamalkannya secara konsisten. Kajian ini berpotensi sebagai satu panduan kepada pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, USIM dalam usaha mengukuhkan kualiti hafalan al-Quran mereka. Penghayatan muraja'ah al-Quran ini juga merupakan satu bentuk penjagaan dan pemeliharaan keutuhan hafalan al-Quran. Disiplin dan motivasi yang tinggi dalam kalangan para pelajar sangat penting untuk mendapatkan kesan yang baik. Oleh itu, niat dan tujuan menghafal dan murajaah perlu diperbetulkan supaya niat yang ikhlas akan menjadi amal soleh yang diberi ganjaran di sisi Allah SWT.

Rujukan

- Ramna K, Asiah Fasehah (2021). Keberkesanan Kaedah Tahfiz Akhyar dalam Meningkatkan Tahap Penguasaan Hafazan Quran bagi Remaja Pekak. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 89-99.
- Apipah, Ramli (2018). Kaedah hafazan al-Quran dan keberkesanannya dalam kalangan pelajar perempuan: Kajian di Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, Kelantan / Apipah Ramli. *Digital Scholarship & Information Commons Students' Repository Academic Exercises, Theses & Dissertations*.
- Fatimah, Hafizi, Farimin, Rahimah, & Nabilah (2020). Strategi Murajaah al-Quran bagi Huffaz di Peringkat Tertiari [Strategies in Murajaah al-Quran for Huffaz at The Tertiary Level]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences e-ISSN:2600-9080*.
- Kadir, M. N., Yauzi, M. Y., Mohamed Salleh, D. A. M., & Wan Ibrahim, W. M. H. (2021). TEKNIK PENGURUSAN MASA MENGULANG HAFAZAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ MARSAH JOHOR. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(2).
- Khamaruddin, S. R., & Muhamad, N. A. F. (2021). Keberkesanan Kaedah Tahfiz Akhyar dalam Meningkatkan Tahap Penguasaan Hafazan Quran bagi Remaja Pekak: The Effectiveness of Tahfiz Akhyar Method in Increasing the Level of the Quran Memorization for Deaf Youths. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 89-99.
- Yusof, N. (2020). KAEDAH PINTAR MURAJAAH AL-QUR'AN: KAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TAHFIZ MALAYSIA. *TAMADDUN*, 21(2), 219-230. doi:10.30587/tamaddun.v21i2.2118
- Hussin, H., Abd Ghani, A. R., Ahmad, A. R., & Saleh, M. H. (2021). MOTIVASI INTRINSIK: ISU DAN CABARAN DALAM MENGEKALKAN HAFAZAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR USIM. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(2), 75–83.
- Nor Hafizi, Yusof (2019) *Kaedah Pintar Murajaah al-Quran: Kajian di Kaedah Pintar Murajaah al-Quran: Kajian di Institusi Pengajian Tahfiz malaysia Pengajian Tahfiz Malaysia: International Conference on Islamic Studies and Education, 29 June 2019, Muhammadiyah Gresik University*.
- Ilyas, M. (2020). Metode Muraja'ah dalam Menjaga Hafalan Al-Qur'an. *Al-Liqo: Jurnal Pendidikan Islam*, 5(01), 1–24. <https://doi.org/10.46963/alliqo.v5i01.140>
- M. Toriq & Abd Razak (2017), Amalan Teknik Hafazan Al-Quran di Darul Quran, *Laman Web Rasmi Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*.
- Azmil Hashim (2014), Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al Qur'an Para Pelajar, *Jurnal Perspektif Jil. 6 Bil.2 (15-25) ISSN 1985-496X*.
- Che Mat, Azman, Wan Adnan (2019). Tahap amalan kaedah hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar program al-Quran IMTIAZ / Azman Che Mat ... [et al.]: *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5 (2). pp. 45-74. ISSN ISSN 2289-9634 e-ISSN 0128-0902
- Abd. Aziz Abdullah, Abd.Aziz Che Ibrahim, Suhaimi Abu Hasan (2021), SISTEM PEMBELAJARAN DAN KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN: SATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH/MAAHAD HAFIZ JERAM (BANAT) DAN MAAHAD TAHFIZ SULAIMANIYYAH KAJANG: *Jurnal Al- 'Ulwan Melaka ISSN 2504-8511/eISSN 2600-7843*
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri (2012), Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia: *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012 1-10

Ismail, A., Tamuri, A. H., Ghani (2017), PENGAJARAN BERKESAN HAFAZAN AL-QURAN BERDASARKAN JUMLAH AYAT: *Jurnal Qiraat Tahun Pertama ISSN 2600-7657*

Sulaiman, Siti Suriyani (2018) Kaedah hafazan: suatu tinjauan ringkas / Siti Suriyani Sulaiman: *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 2 (1). pp. 44-59. ISSN 2006-9617

Yusri Bin Chek (2021), MELESTARIKAN ELEMEN TADABBUR DALAM HAFLAN AL-QURAN: *Jurnal Darul Quran Bil. 25 Tahun 2021*

Nurul Fathihah (2021), Persepsi Mahasiswa Mahasiswa terhadap Kewajipan dalam Menutup Aurat, *Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)*

Mohd Nazir, Muhammad Yaslam, Dzakiah al-Miskiah & Wan Mohd Hazani (2021), Kaedah Muraja'ah Hafazan Al-Quran yang Diaplikasi oleh Para Pelajar Tahfiz Marsah, *Jurnal Qiraat e-issn: 2636-9521*

YUSOF, Nor Hafizi. KAEDAH PINTAR MURAJAAH AL-QUR`AN: KAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TAHFIZ MALAYSIA. TAMADDUN, I

Hendrawati, W., Rosidi, R., & Sumar, S. (2020). Aplikasi Metode Tasmi' Dan Muraja'ah Dalam Program Tahfidzul Quran Pada Santriwati di Ma'had Tahfidz Hidayatul Qur'an Desa Puding Besar. *LENTERNAL: Learning and Teaching Journal*, 1(1), 1-8. <https://doi.org/10.32923/lenternal.v1i1.1272>

KUSMITASARI, IKKA (2017) APLIKASI HAFLAN AL-QURAN MENGGUNAKAN METODE MURAJA'AH BERBASIS ANDROID (STUDI KASUS PONDOK PESANTREN AN-NURIYYAH MALANG). *Undergraduate (S1) thesis, University of Muhammadiyah Malang*.

Syaifullah, M., Nasution, A. Y., Putri Arianto, A. A., Srirahmayani, E., Widiya, I., Pasaribu, N. S., & Arfiandini, T. (2022). Upaya Meningkatkan Konsistensi Muraja'ah dalam Menghafal Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 6(2), 13319–13325. <https://doi.org/10.31004/jptam.v6i2.4560>

Petta Solong, N., & Jazimi, I. (2020). Efektivitas Metode Muraja'ah Dalam Kegiatan Tahfidz Al-Qur`an di Pondok Pesantren Al-Muttaqin Taki Niode Kota Gorontalo. *Irfani*, 16(1), 96–114. <https://doi.org/10.30603/ir.v16i1.1783>